

tokoh₂

Politik Malaysia

KDN 0125/81 ISSN 0127 - 0788 EDISI 3

HARGA \$3.00



- .959
AM
- DATUK HUSSEIN ONN — Selamat Bersara
 - LEE LAM THYE — Mengapa popular?
 - LEPAS JUMPA TUNKU — Masuk PAS

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION

Dengan ingatan muhibbah
dan tulus ikhlas

Dari:

Golongan Penerbit Malaysia
P. O. Box 8, Kajang, Selangor

TOKOH-TOKOH POLITIK MALAYSIA
membentangkan latarbelakang, sejarah dan perwatakan
pemimpin-pemimpin politik setempat

PENGARANG/PENERBIT
HAJI ZAMBRI AZIZ



DITERBITKAN OLEH:
GOLONGAN PENERBIT MALAYSIA SDN.BHD.
9, Tingkat 1, Bangunan Datuk Nazir,
P.O Box 8, Kajang,
Selangor.

HARGA @ \$3.00

DICETAK OLEH:
Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.
No: 2, Jalan 202,
Petaling Jaya, Selangor.

tokoh₂

KDN 0125/81 JUN/JULAI 1981/Bil. 3 ISSN 0127-0788


KANDUNGAN

- Pandangan Penerbit. 2
- Datuk Hussein — Selamat Bersara 4
- Selagi ada Jabar — Batu Laut tolak UMNO 25
- Politikus Malaysia yang paling tua 28
- Orang baru yang aktif sudah mendapat perhatian 34
- Kekuatan Manicka bermula dari estet 38
- Perjuangan Hj. Ibrahim bermula dari keluarga contoh. 42
- Lim Heng Tee — Wakil rakyat yang lulus ekonomi 45
- Dari tokch guru kepada tokoh PAS. 48
- Ahli Parlimen MCA yang tak pernah kalah sejak 1959. 51
- KITA hidup kalau dia ada 55
- 16 Tahun dalam UMNO baru jadi wakil rakyat 57
- Apakah Formula Lee Lam Thye menjadi popular 60
- Antara ahli Undang-undang yang aktif dalam PAS 65
- Panggil saja Ali Sharif — Cikgu 73
- Tokoh wanita UMNO yang terhandal 77
- Dari MCA dia datang, kini ia kembali lagi 83
- Gadis pertama masuk politik di Kelantan 87
- Sejak menang tak pernah kalah 90
- Tokoh yang sederhana perilakunya 93
- Masuk PAS lepas jurupa Tengku di Mesir. 97
- Kerajaan Malaysia dalam Mageran 101
- Lambang-lambang demokrasi yang disanjung tinggi. 109
- Ahli-ahli Dewan Undangan Johor 1978 - 1983 120

PUSTAKA PERDANA



1007069



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PANDANGAN PENERBIT

Dalam keluaran tiga ini ketika memilih Datuk Hussein Onn menjadi tokoh utama Tokoh-tokoh antara sebabnya selain beliau itu sesungguhnya memang seorang tokoh, beliau telah mengambil keputusan untuk meninggalkan dunia politik yang aktif.

Melalui keputusan ini beliau logiknya, sekali pun tidak akan luput dari statüs tokoh masyarakat, tetapi tentunya tidak lagi memainkan peranan sebagai pemimpin utama Negara terutama di bidang politik yang disertainya sejak remaja walaupun penyertaannya itu ada tempoh rehatnya.

Pemilihan itu kita buat untuk merekodkan secepat mungkin sebanyak-banyak maklumat tentang riwayat ringkasnya guna menjadi tatapan umum dan nantinya boleh menjadi dokumentasi sejarah yang amat berguna. Kita akui dokumen ini tidaklah yang terlengkap, tetapi seboleh-bolehnya ia sudah dapat dijadikan panduan bagi orang-orang yang hendak memulakan kajian tentang Perdana Menteri Malaysia yang ketiga itu.

Dalam keluaran ini juga dimuatkan rekod tentang beberapa puluh orang tokoh politik tanahair yang berbilang golongan dan kumpulan politik yang mewakili aliran kepercayaan



masing-masing. Antaranya kita dapat mengenali Tan Sri Fatimah Hashim, Datuk Abu Bakar Omar, Lee Lam Thye, Dr. Tan Tiong Hong dan beberapa orang lagi yang dapat dikira sebagai tokoh peringkat kebangsaan.

Kisah mendiang Tan Sri Manikavasagam yang sudah berjuang sejak remaja didapati tidak banyak dirakamkan boleh diikuti semula melalui isu ini.

Kisah-kisah ringkas ini sangat diperlukan oleh orang ramai terutama orang-orang yang belajar sejarah politik. Pada keseluruhannya riwayat itu tidak merupakan analisa politik tentang seseorang, kerana segi itu rasanya adalah fungsi yang dimainkan oleh media massa yang popular, tetapi Tokoh-tokoh dengan peranannya yang tertentu ini memberikan maklumat tentang latarbelakang orang-orang terpenting itu dengan harapan orang ramai boleh mengenali mereka dari dekat dan dari situlah orang boleh mengenalinya lebih jauh.

Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab bersama orang ramai membantu Tokoh-tokoh mewujudkan riwayat yang tepat tentang setiap orang dan caranya ialah tidak memberikan maklumat palsu. Maklumat yang palsu yang disampaikan akan merosakkan sejarah.

DATUK HUSSEIN

Selamat Bersara



Kerana keuzuran undur diri dari politik

DATUK Hussein Onn masuk politik dua kali dan beliau juga masuk UMNO dua kali. Dan setiap kali dia berpolitik dia memainkan peranan penting dalam parti yang disertainya.

Kali pertama beliau masuk politik bersama bapanya Allahyarham Datuk Sri Onn yang mengasaskan UMNO. Datuk Hussein Onn diberi peranan oleh ayahnya untuk menubuhkan sayap pemuda bagi parti itu. Maka dalam satu perjumpaan di Butterworth beliau pun berjaya menubuhkan Perikatan Pemuda UMNO dengan beliau sendiri menjadi Ketuanya dan Haji Ahmad Badwi menjadi Naib Ketua.

Sofee Haji Ibrahim adalah salah seorang yang ikut memainkan peranan penting dalam penubuhan itu. Badan ini kemudiannya terkenal dengan

nama Pergerakan Pemuda UMNO. Dan sesudah itu beliau terpaksa meninggalkan Pergerakan Pemuda UMNO kerana beliau dipilih menjadi Setiausaha Agung UMNO.

Itulah riwayat ringkasnya dalam politik yang kemudian ditinggalkannya untuk menjadi orang biasa.

Tahun 1968 beliau masuk semula dalam politik dan dalam waktu yang singkat menjadi Naib Presiden, Timbalan Presiden dan kemudian Presiden. Dengan kedudukan itu beliau menjadi orang politik yang utama dalam negara Malaysia sekurang-kurangnya untuk masa tujuh tahun.

Sebagai Presiden UMNO dia juga Perdana Menteri. Dia adalah orang yang paling lewat masuk UMNO di kalangan beberapa orang tokoh yang terkemuka sekarang. Dibandingkan dengan Dr. Mahathir,



Wajah di alam tentera.

Tengku Razaleigh, Datuk Musa Hitam, Encik Ghafar Baba, Datuk Senu Abdul Rahman, Datuk Harun Idris dan beberapa orang lagi, maka Datuk Hussein dikira yang paling akhir sekali masuk UMNO. Tetapi nampaknya beliau juga yang lebih awal meninggalkan kegiatan UMNO yang aktif.

Gangguan kesihatan — Coronary by pass atau salur jantung sebu — menyebabkan beliau tidak dapat memberikan khidmat penuh masa, dan perkhidmatan yang dapat diberikan pun belumlah tentu dapat berjalan licin semata-mata disebabkan oleh penyakit yang

belum betul-betul pulih itu.

Sesudah memikirkan beberapa ketika, maka pada 15 Mei, 1981 yang lalu Perdana Menteri Malaysia yang ketiga itu mengumumkan yang beliau tidak akan menerima pencalonan sebagai Presiden UMNO untuk penggal kedua. Dan bila tarikh akhir memberikan jawapan sama ada bertanding lagi atau tidak untuk jawatan tadi, maka Datuk Hussein Onn tidak mengubah pendiriannya. Artinya dia mengakhiri kedua penyertaannya dalam politik.

Dengan ini maka tidak siapa pula yang menduga akan ada penyertaan yang ketiga bagi beliau.

Datuk Hussein dilahirkan pada 12hb Februari, 1922 di Johor Bahru. Beliau adalah anak sulung Datuk Onn bin Jaafar tetapi bukan pula anak sulung bagi Datin Halimah bin Hussein. Bondanya sudah punya anak dari perkahwinannya yang dulu.

Hussein kemudiannya belajar di English Collage Johor Bahru. Prof. Diraja Ungku Aziz adalah antara murid yang bersama-sama satu sekolah dengannya. Pelajarannya sederhana, tetapi beliau adalah seorang yang dari awal lagi sudah bekerja keras.